

Exco PKR, DAP yang dipecat masuk pejabat seperti biasa
Malaysian Insider
Aug 14, 2014
OLEH JAMILAH Kamarudin

Lima exco Selangor DAP dan PKR yang dipecat Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim petang semalam masih meneruskan tugas seperti biasa pagi ini.

Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin V Ganabatirau dilihat tiba di perkarangan Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) kira-kira jam 9 pagi tadi.

Ini diikuti Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Datuk Teng Chang Khim yang tiba 15 minit kemudian.

Mereka yang masih menaiki kenderaan rasmi exco kelihatan tersenyum sebaik disapa wartawan dan berkata akan menjalankan tugas pejabat seperti biasa.

Manakala, Khalid pula tiba di bangunan SUK kira-kira jam 9.15 pagi dan akan mengadakan sidang media pada 2 petang ini selepas mempengerusikan mesyuarat exco.

Teng ketika ditemui berkata, beliau akan teruskan tugasnya sebagai exco seperti diarahkan DAP namun tidak akan menghadiri mesyuarat mingguan.

"Saya ada temujanji dengan seorang daripada pemimpin dewan perniagaan untuk berbincang tentang projek pelaburan mereka di Selangor.

"Ini tidak akan menjejaskan tugas kami untuk pastikan kerajaan selangor masih dapat menagih keyakinan pelabur dan ekonomi Selangor terus berjalan," katanya.

Begitu juga dengan Ganabatirau yang akur dengan arahan DAP supaya tidak menghadiri mesyuarat exco, namun bertegas mahu menyelesaikan kerjanya yang masih tertangguh.

Exco PKR Elizabeth Wong Keat Ping ketika sampai di lobi Bangunan SUK berkata, mereka berlima masih bekerja seperti biasa termasuk menguruskan mesyuarat portfolio masing-masing bersama kakitangan dan pelanggan.

"Cuma kita seru rakan sekerja PAS untuk elakkan masuk mesyuarat," katanya.

Khalid petang semalam memecat lima exco DAP dan PKR selepas mereka menyatakan pendirian mahu menyekat kuasa Khalid, malah enggan berjumpanya selain dalam mesyuarat exco. – 13 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/exco-pkr-dap-yang-dip-ecat-masuk-pejabat-seperti-biasa>